

MISI

Melaksanakan program-program pengupayaan berdaya tahan yang berbentuk latihan dan kemahiran secara komprehensif



IKON PROPAZ

Dayang Salmiah Binti Haji Tarang@Wahab



Penerima Anugerah Cemerlang Program Pengupayaan Asnaf Zakat



Wakil Tokoh Asnaf Negara Brunei Darussalam Selaku Ahli Forum Dalam Seminar Pembangunan Asnaf Serantau Di MAIWP KL



Penerima Anugerah Ihal Hijrah Sempena Sambutan Awal Tahun 1444H

2016

2017

2022

- Lepasan Program PROPAZ-PPB ke-2 Tahun 2008-2009
- Mengikuti bidang Kursus Asas Masakan & Catering dan Kek & Pastri [2008]
- Menjalani latihan industri penempatan kerja di Royal Brunei Catering cawangan Brunei International Airport [2009]
- Ditawarkan jawatan sebagai Sous-Chef, walaupun bagaimanapun menolak kerana berkeinginan untuk mengusahakan perniagaan
- Pengasas Syarikat Harum Kindana Catering sejak tahun 2012 menyediakan katering & live cook
- Aktif menyertai kursus anjuran agensi kerajaan dan swasta, antaranya Seminar Sambutan Hari Antarabangsa Membasmi Kemiskinan, Expo Keusahawanan Hari Belia Kebangsaan, Program Keusahawanan & Pembangunan Diri, Bengkel Keusahawanan Majlis Perniagaan Wanita Brunei
- Dijemput sebagai motivator keusahawan dalam program-program latihan kemahiran
- Dijemput selaku penyampai demo masakan Radio Televisyen Brunei
- Lantik tahunan sebagai bendahari dalam Jawatankuasa Kelas Rumah tangga Pusat Belia Dan Bendahari Biro Wanita Majlis Perundungan Kg Sungai Bunga.
- Selaku pembimbing peserta PROPAZ dalam penempatan kerja dan mengupah asnaf fakir miskin sebagai pembantu menyedia katering
- Cenderung dengan aktiviti berkebajikan seperti menyalurkan paket makanan dan minuman ke masjid, petugas hadapan dan keluarga yang memerlukan



Dengan berpegang kepada moto hidup iaitu "**Carilah ilmu. Carilah ilmu. Carilah ilmu..**" menjadi rahsia kepada kejayaan ikon PROPAZ ini. Moto ini dikongsikan juga semasa menjadi panel forum di Seminar Pembangunan Asnaf Serantau, Kuala Lumpur Malaysia. Dengan pencapaian sekarang, ikon PROPAZ ini telah menjelaki beberapa tempat di rantaui ini untuk mencari pengalaman dan mempelajari pelbagai rahsia pasaran dan budaya khususnya dalam bidang kuliner seperti daerah Pattani, Thailand, beberapa negeri di Malaysia dan di Bandung, Indonesia.

OBJEKTIF

- Mengubah minda dan memupuk kesedaran untuk meningkatkan taraf hidup dan menjana ekonomi stabil
- Membentuk belia asnaf berkemahiran teknikal dan vokasional
- Memutus lingkaran kemiskinan melalui belia asnaf berilmu dan terlatih
- Menyelaras peluang pekerjaan
- Melahirkan usahawan asnaf kecil dan sederhana



جباٰن اور ولسن زڪٰٰ، وقف ٰان بيت المٰل
JABATAN URUSAN ZAKAT, WAQAF DAN BAITULMAL

Kementerian Hal Ehwal Ugama | Negara Brunei Darussalam

PROGRAM PENGUPAYAAN ASNAF ZAKAT (PROPAZ)



8292526



www.mora.gov.bn



juzwab_kheu



juzwab



Terhasil daripada beberapa tinjauan dan penelitian semula ke atas skim-skim bantuan melalui agihan zakat yang telah dilaksanakan oleh Jabatan Majlis Ugama Islam (JMUI) yang boleh dikembangluaskan melalui usaha-usaha yang *sustainable* dan berdaya tahan selaras dengan hukum syara'.

Mula dilaksanakan pada tahun 2007, sebagai usaha memperkasa lagi penggunaan dan pengagihan wang zakat dengan mengupayakan kapasiti diri asnaf fakir miskin dan mendorong mereka untuk berdikari dan berusaha. Agihan zakat produktif seumpama ini berupa pelaburan jangka masa panjang yang berorientasikan pembekalan ilmu kemahiran melalui latihan dan bimbingan kepada asnaf fakir miskin.

ASPEK PENGUPAYAAN

2. Program Pengayaan

Merangkumi komponen pengayaan kapasiti diri melalui program motivasi, sosial kemasyarakatan dan perbekalan ilmu ekonomi serta pengurusan kewangan bertujuan untuk mengungkap potensi dan prestasi agar asnaf lebih mengenali, memahami dan menghargai diri sendiri serta menerbitkan kesedaran bahawa sumbangan dari potensi diri itu menjadi sumber kejayaan hidup.

PROGRAM-PROGRAM YANG DILAKSANAKAN

2007 - Sekarang



2012 - Sekarang



2018 - 2019



2018 - 2020



2018 - Sekarang



PROPAZ-PPB

Dilaksanakan dengan kerjasama Pusat Pembangunan Belia dengan persijilan diperlukan City & Guilds. Hala tuju untuk menjadikan mereka berilmu pengetahuan, terlatih dan berkemahiran teknikal dan vokasional untuk keboleh pasaran mereka mendapatkan peluang pekerjaan samada secara bermajikan atau menjalankan perniagaan pada skala mikro, kecil dan sederhana.

PROPAZ-PERANTIS

Berkonseptkan *apprenticeship* mengetengahkan syarikat swasta sebagai rakan strategik untuk melatih asnaf zakat melalui *on-the-job training* dengan memperolehi kemahiran 'tailor-made' menurut keperluan majikan dalam pelbagai bidang pekerjaan yang bersesuaian, disamping mendedahkan kefahaman atas bekerja, budaya dan etika kerja.

PROPAZ-AZ-ZIR'AH

Menyediakan perbekalan ilmu pengetahuan agrikultur melalui konsep pertanian *urban* dan *conventional farming* dan disampaikan secara teori dan praktikal. Berkonseptkan agribisnes dengan hala tuju memperniagakan hasil tanu secara komersil melalui latihan yang profesional, komprehensif, teratur, terurus, terkawal dan terpantau secara berterusan dan berdaya tahan.

PROPAZ-IKB

Hasil daripada SOM Ke-43 bagi Pertemuan Tahunan Tidak Rasmi Menteri-Menteri Agama Negara MABIMS Tahun 2018, membincangkan bidang kerjasama 'Meningkatkan Taraf Hidup Umat Islam yang Memerlukan'. Susulan itu, Kerajaan Malaysia menawarkan peluang kepada asnaf Negara Brunei Darussalam untuk mengikuti Latihan Kemahiran di Institut Kemahiran Baitulmal, MAIWP.

BIBD SEED

Satu inisiatif daripada Bank Islam Brunei Darussalam Berhad (BIBD) bermula pada tahun 2018 untuk membantu wanita-wanita yang kurang berasib baik dan tidak berkemampuan menerusi pembelajaran dan pendekahan bagi menjana minat keusahawanan. Peserta PROPAZ adalah antara sasaran yang ditawarkan dan melalui proses saringan.

1. Program Latihan Kemahiran

Meneroka jalan secara profesional untuk memudahkan asnaf fakir miskin memperolehi ilmu kemahiran dalam bidang teknikal dan vokasional menerusi program-program berdaya tahan dan komprehensif.

